

12 SEP 2003

Bajet-Pendidikan

KADAR FAEDAH PTPTN DIKURANGKAN KE TIGA PERATUS

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan mengurangkan kadar faedah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada empat peratus kepada tiga peratus.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen berkata langkah itu bagi meringankan beban kewangan graduan untuk membayar balik pinjaman.

Jadual bayaran balik akan bermula hanya pada tahun ketiga graduan bekerja dan kadar bayaran balik bulanan juga akan disusun semula secara berperingkat dengan peminjam dikehendaki membayar balik dengan kadar lima peratus daripada pendapatan bulanan bagi lima tahun pertama dan 10 peratus bagi baki tempoh pembayaran balik.

Kemudahan itu juga dipanjangkan kepada peminjam di bawah Tabung Pembangunan Kemahiran, katanya.

Di samping itu, pelajar yang ingin melanjutkan pengajian Islam di institusi pendidikan luar negara juga boleh memohon pinjaman dari PTPTN dengan syarat institusi tersebut diiktiraf oleh kerajaan dan mereka juga secara wajib perlu mengambil subjek akademik.

Kerajaan juga akan menimbang memberi pinjaman kepada pelajar yang mengikuti pelajaran luar negara di bawah program berkembar bagi tahun terakhir pengajian di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan serta kursus yang digalakkan, katanya.

Malaysia mengekalkan tradisi memberi pecahan bajet yang besar sekali kepada sektor pendidikan dan kali ini peruntukan sebanyak RM20.2 bilion disediakan, satu perempat daripada peruntukan perbelanjaan mengurus 2004.

Dr Mahathir berkata di bawah perbelanjaan pembangunan, sejumlah RM3.7 bilion disediakan termasuk RM1.8 bilion bagi sekolah rendah, menengah, asrama dan rumah guru.

Sebanyak RM637 juta juga disediakan untuk projek pengkomputeran sekolah sementara RM490 juta bagi membiayai keperluan infrastruktur institusi pendidikan tinggi awam, katanya.

Kerajaan juga akan roll-out program smart school secara berperingkat-peringkat dan melaksanakan projek Schoolnet bagi membolehkan pelajar mendapat akses internet.

Ketika ini, program akses internet telah pun dilaksanakan di hampir 200 buah sekolah di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak.

Dr Mahathir juga berkata satu Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dengan dana RM200 juta telah dilancarkan Julai lepas bagi membantu pelajar miskin meneruskan pendidikan di sekolah selaras dengan hasrat kerajaan memastikan semua anak mendapat pendidikan wajib sekurang-kurangnya di peringkat asas.

Pejabat Promosi Pendidikan akan beroperasi mulai tahun ini di Dubai, Ho Chi Minh, Beijing dan Jakarta sejajar dengan hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai pusat pendidikan terkemuka di rantau ini.

Kerajaan mencadangkan fi atau honorarium yang diperolehi oleh tenaga pengajar atau pakar yang membantu Lembaga Akreditasi Negara dalam proses validasi, moderasi atau akreditasi dikecualikan daripada cukai pendapatan.

-- BERNAMA

JM AHH MOZ